

## **ABSTRACT**

The purpose of the study is to investigate the attitudes of the Semai students towards learning English. In general, these students are not proficient in the language (English paper, PMR, 2007). The study aims to determine the factors that affect their attitude towards learning English. How social, behavioural, cultural and educational factors affect the students' attitudes are also examined. The research site is SMK Sri Tapah, Tapah, Perak as a large number of Semai students are registered in the school. About 40 students and five English language teachers (teaching in schools with a large number of Semai students enrolled) were chosen as respondents for this study. A questionnaire consisting of open and close-ended questionnaire was used to collect data. Interview sessions with both teacher and student respondents were also conducted. The responses to the questionnaires and interviews conducted reveal that despite being proficiently low in English, the Semai students have a positive attitude towards learning the language. Factors that affect the students' attitudes include social, behavioural, cultural and educational factors. Some ways by which teachers can help students be more positive about learning English and be proficient in the target language, English are recommended. It is hoped that this study will be useful to both teachers and students of English in Malaysia.

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenali secara lebih dekat perlakuan dan penerimaan pelajar-pelajar etnik Semai terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris. Secara umumnya, mereka kurang menguasai Bahasa Inggeris (English, PMR, 2007). Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perlakuan mereka terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris. Faktor sosial, faktor sikap, faktor budaya dan faktor pendidikan turut dikaji peranannya dalam membentuk sikap mereka. Lokasi kajian adalah di SMK Sri Tapah, Tapah, Perak. Memandangkan sebahagian besar pelajar sekolah tersebut adalah di kalangan etnik Semai, maka seramai 40 orang pelajar telah diambil sebagai responden manakala responden guru pula diambil dari 3 buah sekolah berlainan yang mempunyai latar belakang sekolah yang hampir sama. Soalan-soalan soalselidik adalah berbentuk subjektif dan objektif. Sesi temubual bersama responden yang terdiri dari kalangan guru dan pelajar juga dijalankan. Maklumbalas dari responden menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Semai mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris. Namun begitu mereka mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka yang rendah. Antara faktor-faktor yang menyebabkan pencapaian rendah Bahasa Inggeris termasuklah faktor sosial, faktor sikap, faktor budaya dan faktor pendidikan. Kaedah-kaedah bagaimana guru dapat membantu pelajar supaya bersikap lebih positif terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris dan lebih cekap menggunakan Bahasa Inggeris turut disarankan. Diharap kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar Bahasa Inggeris di Malaysia.